BERITA HARIAN, SELASA, 18 OGOS, 1981

Darihal Kerajaan yang sensitif terhadap "public opinion".

"Cadangan melawat ditangguh", kata sebuah kepala di Utusan Melayu Ogos 14, 1981. Berita berikutan yang berpunca dari Kangar, Perlis, berkata, cadangan untuk menghantar ahli-ahli Majlis Perbandaran Kangar (MPK) membuat lawatan ke beberapa buah negeri di negara ini ditangguhkan kerana arahan dari Pemangku Menteri Besar, Encik Ali Ahmad.

Menurut jurucakap MPK, Encik Ali yang kini juga memegang tugas sebagai yang Dipertua Majlis berkenaan telah mengeluarkan arahan itu.

Sejak tersebar berita mengenai ura-ura untuk menghantar ahli Majlis itu membuat lawatan ke beberapa buah negeri ini telah menimbulkan berbagai reaksi kurang senang di kalangan pihak-pihak tertentu di negeri ini.

Di antara mereka yang menyatakan bantahan terhadap ura-ura itu ialah Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Arau kerana mensifatkannya sebagai membazirkan wang.

* * *

Komen Penulis:

Pemangku Menteri Besar Perlis itu, nampaknya, adalah sensitif terhadap "public opinion", yakni pendapat orang ramai, sama ada orang ramai itu di luar Parti ataupun di dalam Parti — "sensitif", dalam konteks tidak memekakkan telinga dan menebalkan kulit muka terhadap kritik atau teguran yang menasabah yang disuarakan oleh orang ramai.

Ini adalah petanda baik yang mencerminkan bahawa masa hadapan negeri Perlis dalam konteks demokrasi adalah baik, kerana negeri itu mempunyai pemimpin pilihan rakyat yang benar-benar berjiwa rakyat. Sebaliknya, ada setengah-setengah pemimpin yang mengguna slogan "Jiwa Rakyat" hanya di musim memancing undi rakyat, tapi bila udah memenang kerusi dan mempunyai kuasa eksekutif, mereka mula memekakkan telinga dan menebalkan kulit muka terhadap pandangan atau pendapat rakyat, yang telah menempatkan mereka di kerusi mulia dan "tinggi" yang mereka duduki di hari ini!

Pemimpin dari kategori ini bila sahaja ditegur oleh rakyat ataupun akhbar mengenai, umpamanya, pembaziran duit rakyat, mereka yang kononnya berjiwa rakyat itu akan terus menjawab, "Aku tidak boleh berbuat apa-apa kerana aku cuma mengikut perintah orang atasan semata-mata." (Nota: Jika pemimpin pilihan rakyat boleh menyelamatkan tengkok dengan berlindung di bawah ketiak orang atasan, apakah gunanya mengadakan sistem demokrasi yang memerlukan Pilihanraya — gantikanlah sahaja lanya dengan sistem rejim buku besi, seperti yang terdapat di sebuah negara Afrika di masa pemerintahan Emperor Bokassa dahulu ataupun di Pulau Haiti di bawah pemerintahan Dr. Duval dahulu dan anaknya Duval "junior" yang menggantikannya. Siapa sahaja yang berani mengkritik Kerajaan kerana pembaziran wang negara atau kezaliman, pengkritik itu secara otomatis dilebal sebagai "penderhaka" kepada Emperor atau Presiden. Dan mereka yang diberi lebal tersebut ditangkap dan disiksa sebelum ditembak mati tanpa bicara. Dan akhbar yang berani menyiarkan kritik atau teguran berkenaan ditutup dan pengarangnya dibunuh setelah disiksa).

Pendirian Encik Ali Ahmad itu adalah sejajar dengan dasar Pentadbiran baru di hari ini, yang nampaknya, adalah menghormati kebebasan bersuara di pihak rakyat — kebebasan yang dikenali sebagai "freedom of expression" (Nota: Ini tidaklah menghairankan, kerana bak kata seorang tahanan di bawah ISA yang dibebaskan baru-baru ini bila ditanya tentang perasaannya: "Hanya seseorang yang pernah kehilangan kebebasan boleh memahami dengan sepenuhnya perasaan saya." Oleh itu, Dr.M adalah memahami dengan sepenuhnya makna "freedom of expression" melalui pengalaman peribadi beliau sendiri dari pengharaman bukunya selama lebih dari 10 tahun).

Dengan itu tidaklah menghairankan jika Pentadbiran Dr. M di hari ini adalah lebih toleransi dan lebih bertolak-ansur terhadap teguran dari orang ramai, yang berupa teguran menasabah ataupun yang membina — dibandingkan dengan Pentadbiran di masa-masa yang lampau.

Itulah sebabnya mengapa Dr. M tidak menutup akhbar-akhbar yang menyiarkan secara besar-besaran kandungan Lapuran Ketua Odit Negara, yang menjadi buah mulut orang ramai di hari ini. Sebaliknya, Dr. M dilapurkan sebagai berkata bahawa penyiaran Lapuran itu di akhbar-akhbar "membolehkan orang ramai memahami apa yang sebenarnya telah berlaku". (New Sunday Times, Ogos 16, 1981).

Nota: Mengenai pendirian Perdana Menteri mengenai Lapuran Odit itu, seorang sahabat penulis yang jua penyokong kuat UMNO telah menelefon penulis sambil berkata, "Tidakkah pendirian Dr. M itu merbahaya kerana kandungan Lapuran itu boleh diguna oleh pihak pembangkang?" Penulis bertanya balas: "Merbahaya kepada siapa?" Jawabnya, "Kepada UMNO". "Karut, ia mungkin membahayakan kedudukan pegawai-pegawai cuai dan tidak bertanggungjawab, tapi tentu sekali tidak membahayakan UMNO atau pemimpin-pemimpinnya," kata penulis.

Sebaliknya, jika Dr. M mengharamkan Lapuran itu dan menutup akhbar-akhbar yang menyiarkannya, implikasinya dari kacamata orang ramai ialah: Pertama, dakwaan Barisan Nasional tentang "Kerajaan Adil dan Bersih" adalah bohong dan palsu semata-mata... Dan kedua, pegawai-pegawai cuai dan tidak bertanggungjawab akan berasa bangga atau "besar kepala" dengan menyangka bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah memberi "perlindungan," yakni, "protection", kepada mereka.

Dengan membenarkan laporan berkenaan di siarkan oleh akhbar-akhbar, maka ia adalah menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional "has nothing to hide" (tidak ada benda yang hendak disorokkan) "In fairness" kepada para Menteri, meskipun mereka bertanggungjawab tentang penentuan dasar dan untuk mempastikan supaya dasar-dasar berkenaan dilaksanakan oleh kakitangan awam dengan jujur dan cekap, tetapi para Menteri tidaklah pula diharapkan (yakni "expected") menyimpan buku kira-kira Kementerian di bawah bantal mereka. Tugas ini adalah didelegasikan kepada pegawai-pegawai awam di bawah jagaan "Controlling Officers", yakni Pengawal Perbelanjaan. Oleh itu, kecuaian, kesilapan atau penyelewengan mengenai kandungan buku kira-kira Kementerian tidaklah sepatutnya diletakkan di atas kepala para Menteri — dengan syarat setelah terdedah ketidak-cekapan dan kecuaian di kalangan pegawai-pegawai berkenaan dalam halehwal membelanjakan wang rakyat, para Menteri (yang diamanahkan dengan kuasa oleh rakyat, selaku "political masters" kepada pegawai awam) hendaklah mengambil "tindakan yang sewajar" terhadap pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab itu dan secara serentak mempastikan bahwa pembaziran wang rakyat tidak akan berulang di masa hadapan. Dengan cara ini, Lapuran Odit itu bukan sahaja tidak dijadikan "modal politik" oleh parti-parti Pembangkang malah lanya akan menaikkan imej Kerajaan di kacamata para pengundi.

Mengenai perkara yang sama, yakni teguran dari orang ramai, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam baru-baru ini mengarahkan Biro Pengaduan Awam supaya mengutamakan pengaduan rakyat jelata. (Berita Harian Ogos 14, 1981).

Menteri Penerangan Datuk Mohamad Rahmat pula menegaskan Kerajaan di hari ini akan lebih bersikap liberal dan bertolak-ansur terhadap pandangan dan teguran membina di akhbar. Beliau berkata, Kerajaan juga mengikuti dengan teliti lapuran eksklusif seperti "Times Probe" di akhbar Kumpulan New Straits Times.

Dengan cara ini, mereka dapat menyelami perasaan rakyat dan masalah negara dan bangsa secara luas. (Berita Harian Ogos 16, 1981).

☆☆☆☆

Catitan Khas:

Pandangan dan teguran "membina", kata Datuk Mohamad Rahmat tadi, kerana teguran "perosak" ("destructive criticism") yang bertujuan menyalahkan apa sahaja yang dilakukan oleh Kerajaan dan menghasut rakyat supaya membenci pemimpin-pemimpin kerajaan dan menggugat perpaduan masyarakat, tentu sekali tidak akan dibiarkan oleh sesebuah Kerajaan yang diamanahkan dengan tanggungjawab untuk menjaga ketenteraman awam dan menjamin kestabilan politik Negara.

☆☆☆☆

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia